

# Utusan Malaysia - GST Bukan Punca Sara Hidup Naik - Gabenor BNM

📅 Khamis, Mac 29 2018

## GST bukan punca sara hidup naik – Gabenor BNM

**KUALA LUMPUR 28 Mac** – Cukai barang dan perkhidmatan (GST) bukan punca utama yang meningkatkan kos sara hidup rakyat di negara ini.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Muhammad Ibrahim berkata, terdapat beberapa faktor lain yang mendorong kepada keadaan itu dan pelaksanaan cukai tersebut tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya.

Katanya, pendapatan rakyat perlu meningkat termasuk dari segi produktiviti, pendidikan dan kemahiran supaya mereka dapat menikmati kehidupan lebih baik.

“Mengenai kos sara hidup, kita juga harus melihat dari sudut ta-

hap pendapatan rakyat yang mana jika pendapatan meningkat berbanding kos sara hidup, rakyat tidak akan tertekan dengan situasi ini.

“Mengenai kaitannya dengan inflasi, dalam hal ini, GST bukan penyebab berlakunya kos sara hidup kerana ia telah diserapkan sejak cukai ini dilaksanakan pada 2015,” katanya dalam sidang akhbar pembentangan Laporan Tahunan 2017 BNM di sini hari ini.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak



**MUHAMMAD IBRAHIM**

memberitahu, kenaikan harga barang bukanlah disebabkan oleh cukai itu semata-mata kerana sebelum GST diperkenalkan kadar inflasi pada 8.4 peratus.

Inflasi kemudiannya menurun kepada 2.1 peratus pada 2015 apabila cukai itu dikuatkuasakan diikuti 2.1 peratus pada 2016, 3.7 peratus pada 2017 dan setakat Februari ini, turun kepada 1.4 peratus.

Dalam laporan tahunan tersebut, purata pendapatan bulanan isi rumah dalam kumpulan pendapatan rendah (B40) menunjukkan

peningkatan ketara sebanyak enam peratus antara 2014 hingga 2016.

Dari segi nilai mutlak, pendapatan kumpulan itu meningkat daripada RM2,537 kepada RM2,848 bersamaan purata peningkatan sebanyak RM150 setahun.

Dengan mengambil kira kos sara hidup, kumpulan B40 mengalami pertumbuhan pendapatan sebenar sebanyak 3.8 peratus.

Ditanya mengenai Pilihan Raya Umum ke-14, Muhammad berkata, ia tidak memberi kesan langsung kepada ekonomi negara, begitu juga dengan pilihan raya-pilihan raya yang pernah diadakan sebelum ini.

UTUSAN 29/3